



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

ISNIN, 12 JUN 2023

LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

World Communications



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	MAYAT BAYI DITEMUKAN TERAPUNG DI PERKAMPUNGAN ATAS AIR DI KOTA KINABALU	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mayat-bayi-ditemukan-terapung-di-perkampungan-atas-air-di-kota-kinabalu-423446	ASTROAWANI.COM
	https://sabahmedia.com/2023/06/11/mayat-bayi-baru-lahir-ditemui-terapung-di-atas-air/	SABAHMEDIA.COM
	https://malaysiapost.com.my/2023/06/11/bayi-dipercayai-baru-lahir-dibuang-di-laut/	MALAYSIAPOST.COM.MY
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/06/11/mayat-bayi-ditemukan-terapung-disangka-patung	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/06/11/mayat-bayi-ditemui-terapung-di-laut/	FREEMALYSIATODAY.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=Vu_Z4CmSxc8	YOUTUBE
	https://www.sinarharian.com.my/article/262851/berita/semasa/bayi-dipercayai-baru-lahir-dibuang-di-laut	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=awq8PxL_jWo	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=jztB_4aTKSY	YOUTUBE
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/06/1112939/mayat-bayi-ditemukan-terapung-di-perkampungan-atas-air-kota-kinabalu	BHARIAN.COM.MY
	https://selangorkini.my/2023/06/mayat-bayi-tanpa-pakaian-ditemukan-terapung-di-laut/	SELANGORKINI.MY
	https://tvstv.my/2023/06/11/mayat-bayi-ditemukan-terapung-di-perkampungan-atas-air/	TSTV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	DUA WANITA ANTARA 7 SUSPEK GENG PECAH RUMAH DIBERKAS	
	https://malaysiagazette.com/2023/06/11/dua-wanita-antara-7-suspek-geng-pecah-rumah-diberkas/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/tujuh-termasuk-dua-wanita-ditahan-terlibat-kes-pecah-rumah/	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
3	POLIS TAHAN BUDAK 11 TAHUN PANDU KERETA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/262907/berita/semasa/polis-tahan-budak-11-tahun-pandu-kereta	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/06/1113096/budak-lelaki-11-tahun-ditahan-pandu-kereta-bapa	BHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/budak-lelaki-11-tahun-tular-pandu-kereta-ditahan-423503	ASTROAWANI.COM
	https://www.malaysiakini.com/news/668310	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.thesundaily.my/cerita/berita/budak-lelaki-11-tahun-tular-pandu-kereta-ditahan-NI11087497	THESUNDAILY.MY
	https://mykmu.net/2023/06/11/budak-11-tahun-tular-pandu-kereta-ditahan/	MYKMU.NET
	https://malaysiaipost.com.my/2023/06/11/budak-11-tahun-ditahan-pandu-kereta/	MALAYSIAPOST.COM.MY
	https://suara.tv/11/06/2023/polis-tahan-budak-lelaki-11-tahun-pandu-kereta-bapa/	SUARA.TV

BIL	PERKARA	SUMBER
4	JKNK SASAR LEBIH 50,000 KANAK-KANAK TERIMA SUNTIKAN VAKSIN PNEUMOKOKAL	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jknk-sasar-lebih-50000-kanakkanak-terima-suntikan-vaksin-pneumokokal-423476	ASTROAWANI.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/976520/jknk-sasar-lebih-50000-kanak-kanak-terima-suntikan-vaksin-pneumokokal	HMETRO.COM.MY
	https://harakahdaily.net/index.php/2023/06/11/jknk-sasar-50000-kanak-kanak-disuntik-pcv-13/	HARAKAHDAILY.NET
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2197063	BERNAMA.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/06/11/lebih-50000-kanak-kanak-di-kelantan-terima-vaksin-pneumokokal/	KOSMO.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	[VIDEO] PEMANDU WANITA SAKIT DADA PUNCA KEMALANGAN ENAM KENDERAAN	

<https://www.kosmo.com.my/2023/06/11/video-pemandu-wanita-sakit-dada-punca-kemalangan-enam-kenderaan/>

KOSMO.COM.MY

<https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/447212>

THEMALAYSIANINSIGHT.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
6	KBS HARAP RAMAI ATLET OKU KE OLIMPIK KHAS DUNIA	

<https://www.kosmo.com.my/2023/06/11/kbs-harap-ramai-atlet-oku-ke-olimpik-khas-dunia/>

KOSMO.COM.MY

<https://www.sinarharian.com.my/article/262887/berita/sukan/kbs-harap-ramai-atlet-oku-sertai-olimpik-khas-dunia>

SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	MINISTRY MULLS TASKFORCE TO INSPECT DISABLED UNFRIENDLY BUILDINGS	

<https://www.newsarawaktribune.com.my/ministry-mulls-taskforce-to-inspect-disabled-unfriendly-buildings/>

NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY

<https://tvstv.my/2023/06/11/perengkaguna-dalam-begunan-ungkup-pengelantang-oku-agi-mimit/>

TSTV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	“ANAK SIAPA NI?” – BUDAK BUAT HAL LAGI, BERANI PANDU KERETA DI JALAN SESAK	

<https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2023/06/11/anak-siapa-ni---budak-buat-hal-lagi-berani-pandu-kereta-di-jalan-sesak>

MSTAR.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

12/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	KANAK-KANAK ORANG ASLI SERONOK PERTAMA KALI LAUNG AZAN	
	https://malaysiagazette.com/2023/06/11/kanak-kanak-orang-asli-seronok-pertama-kali-laung-azan/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
10	'TAK PERLU CATU SUSU HUD LAGI' - IBU	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/976494/tak-perlu-catu-susu-hud-lagi-ibu	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	'UDIN JUAL NASI LEMAK NAK CARI SENDIRI DUIT'	
	https://www.sinarharian.com.my/article/262860/edisi/utara/udin-jual-nasi-lemak-nak-cari-sendiri-duit	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	KERAJAAN NEGERI KOMITED PERKASA PENCAPAIAN WANITA – REDONAH	
	https://jesseltontimes.com/2023/06/11/kerajaan-negeri-komited-perkasa-pencapaian-wanita-redonah/	JESSELTONTIMES.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
13	BELIA PENGGERAK PROGRAM MASYARAKAT	
	https://suarasarawak.my/belia-penggerak-program-masyarakat/	SUARASARAWAK.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

12/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
14	HARI PUISI AKAN DIADAKAN BERGILIR-GILIR DI SETIAP NEGERI MULAI TAHUN INI	
	https://www.malaysiakini.com/news/668292	MALYSIAKINI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
15	WANITA RUGI RM1.18 JUTA DITIPU 'PHONE SCAM'	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/06/1113108/wanita-rugi-rm118-juta-ditipu-phone-scam	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	BAKTI PELAJAR CEMERLANG SPM KEPADA IBU HINGGA KE LIANG LAHAD	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bakti-pelajar-cemerlang-spm-kepada-ibu-hingga-ke-liang-lahad-423463	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
17	PANDANG SERIUS KES DERA	
	https://suarasarawak.my/pandang-serius-kes-dera/	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	DISCUSSION IN PROGRESS ON RESTRUCTURING SALARY SCHEME OF KEMAS TEACHERS	
	https://selangorjournal.my/2023/06/discussion-in-progress-on-restructuring-salary-scheme-of-kemas-teachers/	SELANGORJOURNAL.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
19	LOCAL GOVERNMENT DEVELOPMENT MINISTRY TO EXPAND HEALTHY CITY PILOT PROJECT	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/06/11/local-government-development-ministry-to-expand-healthy-city-pilot-project	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	AHLI OKU HARAP PAU SEDIA JURUBAHASA ISYARAT	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/06/11/ahli-oku-harap-pau-sedia-jurubahasa-isyarat/	FREEMALAYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
21	WARGA EMAS, TUJUH PENGHUNI NYARIS MAUT TIGA RUMAH TERBAKAR	
	https://wartaoriental.com/2023/06/11/warga-emas-tujuh-penghuni-nyaris-maut-tiga-rumah-terbakar/	WARTAORIENTAL.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
22	WEI YING TERIMA INSENTIF TERBANYAK DARI KERAJAAN MELAKA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/262924/berita/sukan/wei-ying-terima-insentif-terbanyak-dari-kerajaan-melaka	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	UMNO TERENGGANU BERHARAP TABIKA TAHFIZ JADI PILIHAN PERTAMA RAKYAT – PEHIMI	
	https://umno-online.my/2023/06/11/umno-terengganu-berharap-tabika-tahfiz-jadi-pilihan-pertama-rakyat-pehimi/	UMNO-ONLINE.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
24	'UDIN JUAL NASI LEMAK NAK CARI SENDIRI DUIT'	
	https://www.sinarharian.com.my/article/262860/edisi/utara/udin-jual-nasi-lemak-nak-cari-sendiri-duit	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
25	WARGA EMAS MAUT NAHAS MOTOSIKAL	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/03/1072760/warga-emas-maut-nahas-motosikal	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
26	IMPIAN WARGA EMAS MILIKI RUMAH LEBIH SELESA BAKAL TERCAPAI SELEPAS PENANTIAN 13 TAHUN	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/06/11/impian-warga-emas-miliki-rumah-lebih-selesa-bakal-tercapai-selepas-penantian-13-tahun	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
27	KANAK-KANAK PEREMPUAN LEMAS DI KOLAM SEBUAH TAMAN TEMA	
	https://suarasarawak.my/kanak-kanak-perempuan-lemas-di-kolam-sebuah-taman-tema/	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
28	5,000 MERIAHKAN PROGRAM PUPUK GAYA HIDUP SIHAT MPAJ	
	https://selangorkini.my/2023/06/5000-meriahkan-program-pupuk-gaya-hidup-sihat-mpaj/	SELANGORKINI.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK




www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
29	TERKILAN SUAMI 'PERGI' SEBELUM BAYI LAHIR	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/976546/terkilan-suami-pergi-sebelum-bayi-lahir	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
30	JAJA KEREPEK PADA USIA 74 TAHUN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/976482/jaja-kerepek-pada-usia-74-tahun	HMETRO.COM.MY



TAJUK : BUDAK TUJUH TAHUN LEMAS DALAM KOLAM TAMAN TEMA

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 12 JUN 2023

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Anggota bomba meninjau kolam dimana seorang budak tujuh tahun lemas di sebuah taman tema di Banting, semalam.

(Foto ihsan JBPM Selangor)

Budak tujuh tahun lemas dalam kolam taman tema

Banting: Seorang kanak-kanak perempuan berusia tujuh tahun lemas ketika mandi bersama kakaknya di kolam sebuah taman tema air di sini.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Ahmad Ridhwan Mohd Nor @ Saleh, berkata pihaknya menerima laporan memaklumkan mangsa ditemukan tidak sedarkan diri dalam kolam berkenaan pada jam 1.28 tengah hari kelmarin.

"Difahamkan kejadian berlaku ketika mangsa bersama kakaknya berusia lapan tahun bermain air di kolam itu, sebelum orang awam memaklumkan bapa mangsa seorang daripada anak perempuannya tidak sedarkan diri.

"Mangsa kemudian dibawa ambulans ke Hospital Banting dan pihak hospital mengesahkan punca kematiannya disebabkan lemas," katanya.

Di Kota Kinabalu, mayat bayi masih belum dikenal pasti jantina ditemui terapung di laut di perkampungan atas air, Kam-

pung Tanjung Aru Lama, petang kelmarin.


Bayi malang itu ditemukan jam 6.30 petang oleh penduduk kampung yang melalui jambatan kayu di kampung berkenaan sebelum menghubungi polis.

Pemangku Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Superintendan Kalsom Idris, berkata sebaik menerima laporan, sepasukan anggota digerakkan ke lokasi kejadian untuk siasatan.

"Bayi itu ditemui terapung tanpa pakaian di laut dekat jambatan di perkampungan atas air berkenaan.

"Siasatan awal mendapati bayi itu dipercayai baru dilahirkan, namun setakat ini belum ada apa-apa maklumat lanjut mengenai kejadian itu. Bayi berkenaan juga disyaki dibuang ke laut selepas dilahirkan," katanya ketika dihubungi.

Kalsom berkata, mayat bayi dihantar ke Hospital Queen Elizabeth (HQE) untuk bedah siasat.



TAJUK : LULUSKAN SEGERA DEMI MASA DEPAN ANAK MUDA

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 12 JUN 2023

M/SURAT : 01&02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesehatan Awam 2023

Luluskan segera demi masa depan anak muda

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Peruntukan denda sebanyak RM500 dalam Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesehatan Awam 2023 dicadangkan dinaikkan secara berkala, kerana ia berupaya bertindak sebagai pencegahan yang lebih efektif berbanding punitif se-

mata-mata.

Ketua Pasukan Bertindak Berhenti Merokok Akademik Profesor Malaysia, Prof Dr Mohamad Haniki Nik Mohamed, berkata RUU itu perlu diluluskan segera bagi menangani kelompangan susulan tindakan kerajaan mengeluarkan niktin daripada Akta Racun 1952, tanpa adanya peraturan kawalan rokok elektro-

nik terlebih dahulu.

Beliau berkata, kebimbangan masyarakat terhadap kes yang membabitkan kesan penggunaan rokok elektronik atau vape yang tersebar luas di media, ternyata semakin meningkat.

Katanya, ia jelas menunjukkan masyarakat berdepan keadaan bahaya namun terpaksa

memekakkan telinga dan membuatkan mata berikutan perkara yang ditakuti itu tiada kawalan yang kukuh.

Atas dasar itu, Dr Mohamad Haniki menyifatkan proses meluluskan RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesehatan Awam 2023, tidak boleh ditangguhkan lagi

Nasional 2

“Jika ia tidak diluluskan ia seolah-olah menggambarkan ahli Parlimen di negara ini tidak mahu memberi walaupun secebis harapan buat masyarakat untuk berada dalam keadaan selamat dan lebih memilih keuntungan dan kepentingan diri sendiri”

**Prof Dr Mohamad Haniki
Nik Mohamed,
Ketua Pasukan Bertindak Berhenti
Merokok Akademik Profesor Malaysia**



Ibu bapa bimbang masa depan golongan muda

Dari Muka 1

“Ini bukannya permainan yang boleh ditangguh dan disambung semula kerana apa yang dipertaruhkan adalah kesihatan dan nyawa manusia.

“Bukan masanya untuk membebankan poket mahupun kepentingan diri apabila kesan jangka panjang akan membabitkan golongan anak muda yang masih kecil. Saya mohon sekali lagi, dengarlah suara kami ini.

“Jika ia tidak diluluskan ia seolah-olah menggambarkan ahli Parlimen di negara ini tidak mahu memberi walaupun secebis harapan buat masyarakat untuk berada dalam

keadaan selamat dan lebih memilih keuntungan dan kepentingan diri sendiri,” katanya kepada BH, di sini. RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesehatan Awam 2023 yang dijadual dibawa oleh Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa di Parlimen pada hari ini, mengekalkan Dasar Generasi Penamat Rokok.

Pada masa sama Dr Mohamad Haniki berkata, ramai ibu bapa kini risau berhubung nasib anak mereka terhadap bahaya penggunaan rokok elektronik atau vape ini.

“Ibarat ungkapan yang sering kita dengar sejak bangun sekolah ‘anak-anak itu ibarat kain putih, ibu bapa-lah yang akan mencorakkannya’.

“Ya, ibu bapa khususnya sudah sedaya upaya menjaga supaya tidak terjebak namun perkara ini bukan di dalam kawalan mereka lagi apabila tiada ‘sangkar’ yang mampu memastikan ia tidak keluar dan mencemari anak-anak,” katanya.

Beliau berkata, berdasarkan Tinjauan Kesihatan Dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2022, penggunaan rokok elektronik atau vape dalam kalangan remaja di negara ini melonjak naik dari 9.8 peratus pada tahun 2017 kepada 14.9 peratus pada tahun lalu.

Katanya, dengan kebolehpercayaan yang sangat mudah tanpa perlu diperiksa kad pengenalan, anak-anak

boleh membeli rokok elektronik atau vape dengan mudah tanpa pengetahuan ibu bapa.

“Itu baru kenaikan kini, belum lagi sekiranya rokok elektronik dan vape ini berevolusi dan semakin menjadi-jadi. Percayalah, produk ini umpama cendawan tumbuh selepas hujan...selepas satu, yang lain akan muncul dengan rekaan yang berlainan.

“Kepelbagaian bentuk, malahan perisa cukup membuat mereka mahu mencuba produk berbahaya itu. Lebih membimbangkan apabila sebilangan besar produk ini mengandungi nikotin,” katanya.



Dr Mohamad Haniki



TAJUK :	PEMANDU MAUT, ISTERI CEDERA LORI TERBALIK KEMALANGAN DENGAN KERETA		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	12 JUN 2023	M/SURAT :	18
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Pemandu maut, isteri cedera lori terbalik kemalangan dengan kereta

Tangkak: Seorang pemandu lori maut, manakala isterinya cedera apabila lori dinaiki mereka terbalik selepas terbabat kemalangan dengan sebuah kereta di Kilometer 150, Lebuhraya Utara-Selatan, arah Selatan berhampiran Bukit Gambir, di sini semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 9.13 pagi itu, Yuzairi Mansor, 43, maut di lokasi kejadian akibat tersepit dalam lori, manakala isterinya, Nur Atikah Hussin, 30, cedera.

Pemandu Proton Saga, Muhammad Shahit Abu Thohib, 28, tidak mengalami sebarang kecederaan.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bukit Gambir, Penolong Penguasa Bomba (PPgB) Mohd Farizan Mokhtar, berkata sebuah jentera dari BBP Bukit Gambir dibantu dua jentera dari BBP Tangkak dengan 13 anggota dikejarkan ke tempat kejadian bagi membantu mangsa kemalangan.

Bagaimanapun, beliau berkata, Yuzairi disahkan meninggal dunia oleh pihak perubatan di tempat kejadian, manakala isterinya dihantar ke hospital berhampiran dengan ambulans.

“Punca nahas masih dalam siasatan dan operasi tamat kira-kira jam 10 pagi,” katanya.

Pemangku Ketua Polis Daerah Tangkak, Deputy Superintendan Idris Abdul Rahman, berkata mayat mangsa dihantar ke Jabatan Forensik Hospital Tangkak untuk bedah siasat dan kemalangan itu disiasat mengi-



Anggota bomba membantu mengeluarkan mangsa kemalangan di Kilometer 150 Lebuhraya Utara Selatan, berhampiran Bukit Gambir, Tangkak, pagi semalam. (Foto ihsan bomba)

kut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Enam cedera di Balik Pulau

Di Balik Pulau, enam cedera termasuk dua parah, apabila dirempuh sebuah kereta terbabat akibat pemandunya sakit dada di Jalan Balik Pulau, di sini semalam.

Ketua Polis Daerah Barat Daya, Superintendan Kamarul Rizal Jenal, berkata dalam kejadian terbabat, kereta dipandu wanita berusia 59 tahun dari arah pekan Balik Pulau itu memasuki

lalan bertentangan dan merempuh satu lagi kereta serta tiga motosikal.

“Kenderaan dipandu wanita itu merempuh sebuah kereta datang dari arah Simpang Empat Balik Pulau dan tiga lagi motosikal yang tidak sempat mengelak.

“Satu daripada motosikal itu terbabat lalu merempuh sebuah kereta diparkir di hadapan kedai makan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Kamarul Rizal berkata, dua

mangsa parah, manakala dua lagi mangsa masing-masing menerima rawatan di zon kuning an zon hijau Hospital Balik Pulau.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 43 Akta Pengangkutan Jalan 1987. Orang ramai yang mempunyai maklumat kejadian itu boleh menghubungi bilik gerakan Ibu Pejabat Polis (IPD) Barat Daya di talian 048664122, 0192238169 (Aplikasi WhatsApp) atau laman Facebook IPD Barat Daya menerusi Aplikasi Messenger,” katanya.



TAJUK : PM JAMIN JPA TERUS TAJA PELAJAR PERUBATAN, FARMASI, PERGIGIAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 12 JUN 2023

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

PM jamin JPA terus taja pelajar perubatan, farmasi, pergigian

Unjuran terkini dapati ada kes doktor kontrak letak jawatan, pilih sektor swasta

Oleh M Hizduddin Ikhsan,
Mahani Ishak dan
Mohd Khidir Zakaria
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan meneruskan program tajaan biasiswa kepada pelajar perubatan, pergigian dan farmasi di institusi pengajian tinggi.

Perdana Menteri berkata, kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugus-Tugas Khas), Datuk Armizan Mohd Ali kelmarin mengenai pemberhentian penajaan JPA itu adalah berdasarkan dasar terdahulu dan perlu dikaji semula.

Katanya, unjuran terkini yang dibuat mendapati ada keperluan penajaan kepada program berkenaan diteruskan berikutan ada kes doktor kontrak meletak jawatan dan memilih sektor swasta dalam laluan kerja mereka.

"Sejak minggu lalu, saya ada perjumpaan khas dengan JPA. Mereka kata itu (henti tajaan) adalah dasar sedia ada, dasar yang lalu. Jadi saya minta kaji semula berdasarkan unjuran kita yang mana keperluan sektor perubatan, pergigian dan farmasi itu masih ada.

"Maknanya program biasiswa JPA untuk sektor ini akan diteruskan," katanya pada program Temu Anwar di Dewan Tuanku Syed Putra, Universiti Sains Malaysia (USM) di sini, semalam.

Armizan menerusi jawapan



bertulis disiarkan di portal Dewan Rakyat kelmarin, turut maklumkan kajian Kementerian Kesihatan (KKM) mendapati bekalan pegawai perubatan negara akan mengalami kebanjiran mulai 2026 hingga 2030.

Ini berdasarkan Laporan Petunjuk Kesihatan 2022 yang menjangka pencapaian nisbah jumlah keperluan tenaga kerja perubatan kepada populasi Malaysia sehingga Disember 2021 adalah 1:420 dan nisbah 1:400 dijangka dapat dicapai pada 2025.

Bekalan pegawai perubatan pada 2021 berjumlah 72,812, berbanding permintaan, 70,721. Bekalan pegawai pergigian dan farmasi akan memenuhi keperluan permintaan, masing-masing pada 2025 dan 2029 dengan pelajar tanggungan JPA tetap ditaja sehingga 2027.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan tidak dapat menghalang doktor kontrak meletak jawatan dan memilih berkhidmat dalam sektor swasta yang mampu memberi gaji lebih tinggi.

Katanya, kelonggaran itu juga akan diberi kepada pelajar tajaan kerajaan di luar negara yang mahu memulakan kerjaya di negara tempat mereka belajar kerana pendedahan itu dianggap baik bagi masa hadapan Malaysia.

"Isu doktor kontrak saya akui masalah lama, sebab itu kita mula selesaikan tahun ini dan jangka boleh selesai sebelum tiga tahun. Kita tidak boleh selesaikan semuanya tahun ini kerana kosnya terlalu besar.

"Peletakan jawatan pula, jika ada laluan kerjaya lebih baik,



Anwar bersama tamu yang hadir pada Program Temu Anwar di Dewan Tuanku Syed Putra Universiti Sains Malaysia (USM), semalam. (Foto BERNAMA)

maka kerajaan tidak akan halang, sama juga kepada pemegang biasiswa kerajaan, contohnya yang belajar di United Kingdom (UK).

"Jika mereka dapat tawaran kerja (di luar negara), saya akan minta JPA beri ruang. Pendedahan ini sebenarnya baik untuk negara, pelajar ini memilih tidak balik, bekerja di luar negara dan beberapa tahun kemudian memilih untuk pulang," katanya.

Ambil kira guna tenaga

Sementara itu, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Dr Zulkapli Mohamed, menjelaskan tajaan pendidikan bagi sesuatu bidang pengajian dibuat dengan mengambil kira keperluan guna tenaga sektor awam dan negara.

"Berdasarkan faktor yang telah diambil kira dalam hal ini, penangguhan penawaran penajaan JPA dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi dibuat. Namun, pelajar dalam tanggungan JPA tetap akan ditaja sehingga 2027," katanya.

Katanya lagi, JPA tidak menolak kemungkinan penawaran penajaan bagi ketiga-tiga bidang berkenaan disambung semula sekiranya ada keperluan pada masa hadapan.

"Keputusan diambil dengan melihat secara holistik keperluan guna tenaga kerja di semua sektor-sektor kritikal serta bilangan perjawatan yang ada dalam perkhidmatan awam," katanya.

Di Port Dickson, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa ketika ditemui selepas Majlis Kajian Global Adults Tobacco Survey (GATS), berkata KKM sedia mengkaji semula kajian berkaitan keperluan pegawai perubahan dilakukan pada 2019.

Kajian empat tahun lalu, katanya, mendapati jumlah pegawai perubatan akan berdepan kebanjiran mulai 2026 hingga 2030.

"Kita tahu ada perubahan, terutama selepas pasca COVID-19, jadi mungkin ada perkara baharu perlu dilihat semula pada kajian itu. Malah kita juga bimbang (pelajar tidak berminat sambung pelajaran) bagaimana perkara itu boleh berlaku.

"Kita akan lihat kajian yang sudah dilakukan berdasarkan data supaya keputusan terbaik dapat dibuat. Perkhidmatan kesihatan penting, kerjaya seperti doktor dan jawatan lain dalam skim perubatan amat diperlukan negara kita," katanya.



TAJUK : 'ALHAMDULILLAH, TAK CATU LAGI...'

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 JUN 2023

M/SURAT : 19

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

'Alhamdulillah, tak catu lagi...'

Ibu bayi 16 bulan hidap pelbagai komplikasi kesihatan syukur ramai hulur bantuan ringan beban

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

Tumpat

"Alhamdulillah, saya sudah tak perlu catu susu khas untuknya lagi kerana ramai yang tampil membantu," kata Cik Norhazilawati Che Sulaiman, ibu kepada bayi lelaki yang menghidap pelbagai komplikasi kesihatan.

Cik Norhazilawati, 33, berkata, jika sebelum ini dia terpaksa berjinat memberikan susu khas kepada Muhammad Hud Hanif Harizan berusia 16 bulan yang dilahirkan dengan pelbagai komplikasi kesihatan namun sejak kisahnya disiarkan Jumaat lalu, beban mereka semakin ringan.

"Kami hanya bergantung kepada bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang saya terima iaitu RM450 sebulan selain pendapatan suami sebagai pemetik kelapa yang tidak menentu untuk kelangsungan hidup.

"Kami perlu mengeluarkan belanja sekitar RM500 sebulan untuk keperluan anak saya ini merangkumi susu khas dan lampin pakai buang termasuk kos pe-



IKHWAN (kanan) bertanya khabar dan menyerahkan sumbangan makanan asas serta bantuan am sebanyak RM2,000 kepada Cik Norhazilawati di Kampung Periook, Tumpat. - Gambar NSTP/SITI ROHANA IDRIS

ngangkutan ke hospital kerana bayi kami kerap menerima rawatan.

"Alhamdulillah, rezekinya semakin murah dan saya tidak perlu lagi mencatu susu khasnya kerana bimbang tiada wang untuk membeli," katanya ketika ditemui di rumahnya di

Kampung Periook di sini, semalam.

Bayi itu yang dilahirkan dengan masalah paru-paru berair, skoliosis (tulang belakang bengkok), hernia dan tiroid memiliki saiz tubuh yang kecil dan tidak seperti bayi normal lain.

Cik Norhazilawati berka-

ta, dalam usia begitu, anak tunggalnya juga masih tidak mampu bertutur dan merangkak apatah lagi berjalan.

"Selama 10 tahun usia rumah tangga kami, sudah pasti kelahiran Muhammad Hud sangat dinantikan tapi dugaan buat kami apabila

anak ini menghidap banyak penyakit.

"Besarnya harapan kami suami isteri untuk melihat anak menjalani hidup normal seperti kanak-kanak lain namun berlapang dada dengan takdir yang menimpa," katanya.

Terdahulu, mereka mene-



Kami perlu mengeluarkan belanja sekitar RM500 sebulan untuk keperluan anak saya ini merangkumi susu khas dan lampin pakai buang termasuk kos pengangkutan ke hospital kerana bayi kami kerap menerima rawatan"

Cik Norhazilawati

rima kunjungan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik) yang diwakili Pegawai Agihan Zakat Ikhwan Mat Yasin yang hadir menyampaikan sumbangan makanan asas.

Ikhwan berkata, selain hadir menyampaikan bantuan am RM2,000, pihaknya juga meluluskan bantuan bulanan RM500 kepada keluarga terbabit.

"Kita harapkan bantuan ini dapat meringankan beban suami isteri itu untuk kelangsungan hidup mereka terutama dalam menyediakan keperluan bayi lelaki mereka," katanya.



TAJUK : 'GADIS AYU' BAWA BALA!

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 JUN 2023

M/SURAT : 11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

'Gadis ayu' bawa bala!

Sindiket Love Scam bermain emosi lelaki di media sosial kaut jutaan ringgit

Kuala Lumpur

Guna gambar profil 'gadis ayu' dan ayat-ayat manis di media sosial atau aplikasi perhubungan seperti WhatsApp, Telegram dan Messenger menjadi taktik terbaru sindiket Love Scam untuk menjerat lelaki hingga kerugian jutaan ringgit.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, Love Scam adalah taktik jenayah yang memerangkap mangsa melalui permainan emosi dan perasaan.

"Taktik 'gadis ayu' atau penggunaan gambar profil wanita cantik ini adalah taktik baharu yang digunakan oleh sindiket untuk mencari mangsa.

"Tujuan gambar ini digunakan adalah untuk menarik perhatian dan seterusnya memperdaya mangsa untuk berkomunikasi dengan pihak sindiket," katanya secara eksklusif kepada Harian Metro.

Beliau berkata, mangsa seterusnya ditawarkan hadiah, pekerjaan, diajak berjumpa dan sebagainya.

"Namun kemudiannya sindiket akan menyatakan ada bebe-

RM40,000 melayang nak dapat hadiah daripada Suzanne

Kuala Lumpur: "Saya ketika itu baru putus cinta dan tidak lama kemudian menerima permohonan menjadi rakan di Facebook (FB) daripada seorang wanita yang kononnya menetap di London," kata mangsa penipuan 'gadis ayu' yang hanya ingin dikenali sebagai Azmi, 35.

Menurutnya, ketika itu perasaannya agak runding selepas hubungan cinta terjalin terputus di tengah jalan sebelum tiba-tiba menerima kenalan baharu di FB yang menggunakan profil nama Suzanne.

"Saya pada mulanya tidak mengesyaki apa-apa tambahan dia menggunakan profil gambar wanita 'mat salih' yang agak cantik dan ingin berkenalan dengan saya.

"Kami pada mulanya berbual melalui Mesenger sebelum bertukar nombor telefon dan mula berhubung dengan WhatsApps,"

katanya.

Azmi berkata, selepas beberapa bulan berhubung, dia mula tertarik dan Suzanne memberitahu ada masalah dan menghantar hadiah kepadanya sebagai iktan perkenalan mereka.

"Saya kemudian menunggu hadiah yang dikirimkan itu, namun dia memberi alasan ada masalah dan saya perlu membayar sejumlah wang supaya ia segera dapat dihantar.

"Saya yang tidak mengesyaki apa-apa pada mulanya memindahkan beberapa kali wang ke akaun yang

diberikan itu, namun dia memberitahu masih tidak dapat menyerahkan hadiah itu yang kononnya tersangkut di kastam," katanya dalam satu kenyataan.

Dia berkata, dia diminta sekali lagi memindahkan sejumlah wang ke akaun diberikan oleh Suzanne, namun mula mengesyaki ada sesuatu yang tidak kena.

"Selepas saya enggan memberikan wang itu, dia terus menamatkan hubungan kami dan saya gagal menghubunginya apabila talian telefon itu ditamatkan.

"Akibat kejadian itu saya rugi RM40,000 apabila wang simpanan habis diberikan kepadanya," katanya.

rapa masalah yang memerlukan mangsa untuk membuat pindahan wang.

"Mangsa hanya akan menyedari ditipu apabila terus menerusi diminta untuk membuat pindahan wang ke akaun yang diberikan oleh pihak sindiket," katanya.

Menurutnya, sebanyak 1,185 kes Love Scam direkodkan bagi tempoh tahun lalu hingga Mei tahun ini dengan jumlah kerugian RM74,267,226.

"Sebanyak 793 kes direkodkan tahun lalu memba-



Tujuan gambar ini digunakan adalah untuk menarik perhatian dan memperdaya mangsa untuk berkomunikasi dengan pihak sindiket"

Ramli

bitkan kerugian sebanyak RM56,276,293.56 manakala tahun ini daripada Januari hingga Mei lalu merekodkan 392 kes dengan nilai kerugian RM17,990,932.65," katanya.


Ramli berkata, polis mengingatkan orang ramai untuk sentiasa berwaspada dan tidak mudah terperdaya dengan tawaran hadiah daripada media sosial mahupun aplikasi dalam talian.

"Dalam usaha untuk membantu mengurangkan kes berkaitan penipuan, masyarakat digalakkan untuk sentiasa cakna dengan maklumat pencegahan jenayah komersial yang sentiasa disampaikan oleh polis dari semasa ke semasa melalui pelbagai medium penyampaian seperti kempen, media sosial, ceramah dan sebagainya.

"Masyarakat juga digesa untuk menyebarkan maklumat diperoleh agar dapat disampaikan kepada setiap lapisan masyarakat sekali gus memastikan impak yang lebih besar dapat dihasilkan," katanya.

POLIS mengingatkan orang ramai untuk sentiasa berwaspada dan tidak mudah terperdaya dengan tawaran hadiah yang diterima daripada media sosial.





TAJUK : 1,000 KARYA ISTIMEWA KAKI & MULUT

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 JUN 2023

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



SEBAHAGIAN karya milik Mohd Khairuddin.

Oleh Noor Hidayah
Tanzizi
am@hmetro.com.my

Pasir Mas

Pemuda istimewa yang dilahirkan tanpa kedua-dua tangan ini nyata memberi inspirasi apabila mengatasi kekurangan dengan kelebihan melukis serta mencanting batik menggunakan kaki dan mulut.

Ini kerana Mohd Khairuddin Che Rani, 34, pernah tidak mendapat kepercayaan atas keupayaan melukis hanya kerana kekurangannya itu.

Namun kini pemuda itu boleh berbangga dengan usahanya yang sudah melukis lebih 1,000 karya dan menyertai hampir 100 pameran lukisan dalam dan luar negara sejak 14 tahun lalu.

Malah, Mohd Khairuddin turut membuktikan keupayaan diri dalam melakukan aktiviti harian termasuk memandu kereta yang tidak diubah suai dan memasak seperti insan normal lain.

Mohd Khairuddin berkata, dia tidak pernah menganggap kekurangannya sebagai penghalang untuknya berkarya dan mengejar kejayaan sebaliknya ia dijadikan kelebihan serta pembakar semangatnya.

Ahli Persatuan Pelukis Mulut dan Kaki (MPPA) itu berkata, dia berkerja sebagai pelukis sepenuh masa yang memerlukan menyediaan lima karya setiap bulan untuk majikannya dan dia antara lapan pelukis istimewa yang berkarya menggunakan kaki dan mulut.

"Saya minat melukis sejak di bangku sekolah rendah dan semakin aktif sejak berusia 17 tahun. Saya akan

1,000 karya istimewa kaki & mulut

Pemuda tanpa kedua-dua tangan dah sertai 100 pameran lukisan dalam dan luar negara



MOHD Khairuddin berkata, dia tidak pernah menganggap kekurangannya sebagai penghalang untuknya berkarya dan mengejar kejayaan.

menggunakan kaki untuk melukis, manakala mencanting batik akan dilakukan dengan mulut.

"Allah SWT memang tak beri dua tangan pada saya tetapi Dia masih beri kaki serta mulut untuk saya menonjolkan bakat melukis yang menjadi sumber rezeki dan bersyukur dengan kelebihan itu," katanya.

Menurutnya, kerja melukis menggunakan kaki dan mulut pada mulanya tidak

mudah, namun kini ia sudah dapat dilakukan dengan baik tanpa kekok dan mengakui melukis dapat memberinya kegembiraan.

"Lukisan adalah medan saya 'meluahkan' perasaan dan ekspresi diri. Saya lebih suka melukis pemandangan dan lukisan abstrak kerana sukakan keindahan alam semula jadi serta warna-warni corak kehidupan.

"Biarpun menggunakan kaki dan mulut tetapi tem-

poh masa untuk menyiapkan satu karya sama saja seperti pelukis lain, namun ia bergantung kepada mood dan komitmen kerja lain juga. Paling sekejap saya dapat siapakan lukisan dalam masa sehari," katanya.

Menurutnya, dia pernah melalui fasa sedih apabila ada yang beranggapan insan istimewa sepertinya tidak mampu menghasilkan karya sebagai itu, malah ada yang mengatakan dia tidak mampu mencapai kejayaan serta menjalani hidup berkarya.

"Ada yang sangka lukisan itu dihasilkan pelukis lain kerana tidak percaya saya melukisnya dengan kaki dan itu dijadikan pembakar semangat kerana kekurangan diri bukan tiket untuk menyerah dan alasan untuk saya tidak mengejar kejayaan.

"Alhamdulillah, berkat doa dan sokongan ibu bapa (Che Rani Mat Hassan, 62, dan Rohana Mat Zin, 58) saya dapat atasi kekurangan diri.

"Malah, saya bersyukur isteri (Nur Azwani Ahmad, 29) juga sudi menerima kekurangan saya dan menjadi pendorong untuk terus mengembangkan bakat," katanya pelukis sepenuh masa di Mouth & Foot Painting Artist Sdn Bhd.



TAJUK : BUKAN BAPA TIRI JAHAT LAH!

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 JUN 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Redzuan Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my

Ipoh

Meskipun tiada pertalian darah, hubungan Muhammad Nurshafiq Noor Apandi dan anak tirinya, Muhammad NurShaqish Iman cukup akrab.

Kemesraan mereka dapat dilihat menerusi perkongsian video Suhaila Sharim, 30-an iaitu isteri Muhammad Nurshafiq, 30-an yang juga ibu kepada Muhammad NurShaqish Iman, 16, di TikTok.

Melihat hubungan mesra mereka menyebabkan rata-rata netizen memuji keikhlasan Muhammad Nurshafiq dalam mencurahkan kasih sayang kepada Muhammad NurShaqish Iman.

Bercerita lanjut, Muhammad Nurshafiq berkata, ikatan kemesraan dengan anak tirinya itu bukan baru terjalin, tetapi awal perkenalan dengan isterinya pada 2014.

"Saya dan isteri sudah lama berkenalan cuma ditakdirkan berkahwin pada 27 Ogos tahun lalu.

"Sejak awal perkenalan dengan isteri pun, saya sudah tahu statusnya sebagai ibu tunggal yang ada seorang anak lelaki.

"Jadi, saya sudah faham dan terbiasa daripada awal lagi malah kami rapat sebelum saya berkahwin dengan ibunya lagi.

"Alhamdulillah, dia dapat terima saya dan disebabkan itu juga saya sudah anggap dia seperti anak kandung sendiri," katanya ketika dihubungi Harian Metro

Menyedari usia Muhammad NurShaqish Iman yang sudah meningkat remaja, Muhammad Nurshafiq cuba menjadi rakan buat anak tirinya itu.

"Di rumah kami memang banyak luangkan masa bersama hingga ada kalanya berseimbang sampai awal pagi kerana tak sedar.

"Saya bekerja sebagai penghantar makanan dan ada kalanya, anak ikut sekali saya waktu hantar pesanan kepada pelanggan.

"Saya pun ada teman dia ke taman berhampiran untuk main bola sepak jadi hubungan sudah macam kawan baik kerana banyak juga yang dikongsi bersama.

"Mudah-mudahan, hubungan baik antara kami ini berterusan sampai bila-bila," katanya" katanya.

Sementara itu, Suhaila berkata, penerimaan baik Muhammad Nurshafiq yang meyakinkannya untuk menerima lamaran suaminya. "Saya ada seorang saja



MUHAMMAD NurShaqish Iman (tengah) bersama Muhammad Nurshafiq dan Suhaila pada majlis perkahwinan mereka.

Bukan bapa tiri jahatlah!

Tak kekok curah kasih sayang bersama anak tiri



anak dan dia sudah macam beg tangan saya kerana ke mana pergi, dia pasti akan dibawa bersama.

"Jadi, mana-mana lelaki yang ajak keluar saya akan letak syarat untuk bawa anak bersama.

"Alhamdulillah, suami dapat terima saya dan anak malah saya gem-bira melihat hubungan akrab serta keserasian an-

tara mereka," katanya.

Berhubung perkongsian di TikTok pula, Suhaila berkata, niatnya sekadar untuk berkongsi kemesraan suami dan anaknya.

Di samping itu, mesej cuba disampaikan adalah bukan semua ibu atau bapa tiri garang atau tidak baik seperti digambarkan segelintir indi-

vidu.

"Mungkin mereka (ibu bapa tiri) cuba rapat, tetapi tak diberi peluang oleh anak tiri.

"Dalam hubungan saya agak bertuah kerana suami dan anak faham malah boleh jadi rapat.

"Syukur alhamdulillah dan setakat ini, kebanyakan reaksi netizen positif dan niat lain saya kongsi video adalah untuk zahirkan penghargaan atas pengorbanan suami," katanya.

“Di rumah kami memang banyak luangkan masa bersama Muhammad Nurshafiq”



TAJUK : DUA WANITA ANTARA EMPAT DITAHAN POLIS

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 JUN 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

SAMUN DI SUBANG JAYA

Dua wanita antara empat ditahan polis

Kuala Lumpur: Dua wanita antara empat ditahan kelmarin kerana disyaki terlibat dalam kes samun berkumpulan bersenjatakan pisau serta melarikan kenderaan dengan nilai kerugian dianggarkan RM60,000 di sebuah rumah di Subang Jaya.

Kesemua suspek warga tempatan berkenaan berumur lingkungan 27 hingga 32 tahun masing-masing ditahan di Senawang, Negeri Sembilan dan Putra Perdana, Puchong, dekat sini.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya Asisten Komisioner Wan Azlan Wan Mamat

berkata dalam kejadian kira-kira 7 malam pada 4 Jun lepas, mangsa menyatakan rumahnya dimasuki dua lelaki.

Beliau berkata, dalam kejadian itu, suspek memakai pelitup muka turut mengikat mangsa yang tinggal bersama isteri, ibu dan dua anak.

"Suspek menggunakan pisau menyamun mangsa dan keluarga serta melarikan kereta jenis Honda City yang diparkir di hadapan rumah bersama-sama sejumlah barangan berharga milik mangsa," katanya.

Wan Azlan berkata, modus operandi suspek ialah memakai pelitup muka dengan mengikat mangsa dan ahli keluarganya menggu-

nakan kabel telefon serta tali pinggang dan kemudian melarikan sejumlah barangan peribadi, barangan berharga serta kenderaan milik mangsa.

Beliau berkata polis merampas beberapa barangan peribadi yang digunakan untuk kegiatan samun iaitu dua bilah pisau, pakaian milik suspek, satu unit pemutar skru serta sepasang sarung tangan.

Selain itu, barangan milik mangsa yang dijumpai semula ialah barangan peribadi, barangan keemasan, telefon bimbit, serangkaian kunci rumah dan juga sebuah kereta mangsa.

Turut dirampas adalah sebuah kereta jenis Honda EK yang dilaporkan hilang di kawasan Jinjang, di sini.

"Hasil soal siasat, suspek mengaku terlibat dengan kes ini dan kesemua mereka direman selama lima hari bermula hari ini. Selain itu, polis percaya suspek terlibat beberapa kes di kawasan Subang Jaya dan kawasan lain," katanya.

Polis meminta orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kejadian samun berkumpulan supaya tampil memberikan kerjasama kepada polis menerusi talian 03-78627100 (Pusat Kawalan Daerah Subang Jaya) atau pegawai penyiasat Insp G Dinesh 011-33094457.

“Suspek menggunakan pisau menyamun mangsa dan keluarga Wan Azlan”



TAJUK : KAKU DALAM KOLAM

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 JUN 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



SEORANG budak perempuan berusia tujuh tahun ditemukan lemas di dalam kolam sebuah taman tema air di Banting tengah hari kelmarin.

Kaku dalam kolam

Budak perempuan tujuh tahun ditemui lemas di taman tema air

Shah Alam

Seorang kanak-kanak perempuan berusia tujuh tahun ditemukan lemas di dalam kolam sebuah taman tema air di Banting, dekat sini, tengah hari kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat Superintendan Ahmad Ridhwan Mohd Nor berkata, kejadian berlaku pada pukul 1.28 tengah hari

selepas orang awam menjumpai mangsa dalam keadaan tidak sedarkan diri dalam kolam tersebut.

"Kejadian berlaku semasa mangsa bersama kakaknya berusia 8 tahun sedang bermain air di sebuah kolam, bapa mangsa kemudian dimaklumkan oleh orang

awam bahawa salah seorang anak perempuannya telah tidak sedarkan diri.

"Mangsa kemudian telah dibawa ambulans ke Hospital Banting dan pihak hospital mengesahkan punca kematian adalah disebabkan lemas," katanya.

Schubungan dengan itu, Ahmad

Ridhwan berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 33 Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611).

Beliau turut memberi peringatan kepada orang awam khususnya ibu bapa dan penjaga supaya tidak membiarkan kanak-kanak di bawah jagaan masing-masing tanpa pengawasan yang berpatutan untuk mengelakkan berlakunya sebarang tragedi yang tidak diinginkan.

Kes disiasat di bawah Seksyen 33 Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611)



TAJUK : KENAL PASTI LAPAN PERKARA

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 JUN 2023

M/SURAT : 09

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

KERAKYATAN ANAK WANITA MALAYSIA

Kenal pasti lapan perkara

Sintok

Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengenal pasti lapan perkara untuk dimasukkan sebagai cadangan dalam pindaan Perlembagaan Persekutuan berkaitan memberi kewarganegaraan kepada anak yang lahir di luar negara oleh ibu warga Malaysia yang berkahwin dengan pasangan bukan warganegara.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, jawatankuasa khas kementerian yang ditubuhkan bagi meneliti perkara itu bersetuju untuk menerima lapan perkara itu namun tiada ketetapan dibuat setakat ini kerana perlu melalui proses lain di pelbagai peringkat.

Menurutnya, antara perkara itu termasuk menukarkan had umur daripada 21 tahun kepada 18 tahun untuk seseorang melucutkan kewarganegaraannya dan kaedah pelaksanaan pindaan itu sama ada secara retrospektif atau prospektif apabila ia dikuatkuasakan.

“Maksudnya bila pindaan Perlembagaan itu dibuat nanti dan wujud keadaan seorang anak itu dengan kuat kuasa undang-undang menjadikan dia warganegara, pada masa yang sama dia juga warganegara sebuah negara lain mengi-

kut bapanya, jadi dia akan ada dua kewarganegaraan.

“Tapi Perlembagaan Persekutuan negara kita tidak membenarkan dua kewarganegaraan, jadi waktu bila dia kena *renounce* (melucutkan kewarganegaraan)? Jadi sekarang ini umurnya adalah 21 tahun dan kita cadang turun 18 tahun sebab kita nak selaraskan dengan umur mengundi. Jadi akan membabitkan beberapa cadangan pindaan Perlembagaan dan akta yang berkaitan, itu satu contoh supaya ada keselarasan,” katanya.

Beliau bercakap selepas menghadiri program Townhall Ikon Madani bersama Menteri Dalam Negeri di Universiti Utara Malaysia di sini, kelmarin

Saifuddin Nasution berkata, dalam meneliti perkara-perkara berkaitan pindaan Perlembagaan itu, dua jawatankuasa khas diwujudkan iaitu di peringkat KDN yang dipengerusikan ketua setiausaha dan di pe-

ringkat Kabinet yang dipengerusikan oleh beliau sendiri.

Katanya, kedua-dua jawatankuasa itu menjalankan kajian terperinci dan melakukan sesi libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan selain melihat tindakan negara lain, bagi memastikan cadangan komprehensif dapat dihasilkan untuk pindaan Perlembagaan itu.

Beliau berkata, selepas semua cadangan terbabit dipersetujui di peringkat kementerian dan Kabinet, ia akan dipersembahkan kepada Majlis Raja-Raja dan sekiranya diperkenankan, barulah dibentangkan di Parlimen yang diharap dapat dilakukan pada persidangan hujung tahun ini.

Februari lalu, Kabinet dilaporkan bersetuju meminda Perlembagaan untuk memberi kewarganegaraan kepada anak yang lahir di luar negara oleh ibu warga Malaysia yang berkahwin dengan pasangan bukan warganegara.



Tapi Perlembagaan Persekutuan negara kita tidak membenarkan dua kewarganegaraan”

Saifuddin
Nasution Ismail





TAJUK : MAYAT BAYI DITEMUI TERAPUNG DI LAUT

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 JUN 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Mayat bayi ditemui terapung di laut

Kota Kinabalu: Mayat bayi yang masih belum dikenal pasti jantina ditemui terapung di laut di perkampungan atas air, Kampung Tanjung Aru Lama di sini, petang kelmarin.

Bayi malang itu ditemui pada 6.30 petang oleh penduduk kampung yang melalui jambatan kayu di kampung berkenaan sebelum menghubungi pihak polis.

Pemangku Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu Superintendan Kalsom Idris berkata, sebaik menerima laporan mengenai penemuan mayat bayi terbabit, sepasukan polis digerakkan ke lokasi kejadian untuk siasatan.

Katanya, bayi itu ditemui terapung tanpa pakaian di laut dekat jambatan di perkampungan atas air berkenaan.

"Siasatan awal mendapati bayi itu dipercayai baru di-

lahirkan namun setakat ini belum ada apa-apa maklumat lanjut mengenai kejadian itu.

"Bayi terbabit juga disyaki dibuang ke laut selepas dilahirkan," katanya ketika dihubungi.

Kalsom berkata, mayat bayi itu kemudiannya dihantar ke Hospital Queen Elizabeth (HQE) untuk bedah siasat.


Katanya, pihaknya sedang menjalankan siasatan bagi mengesan suspek terbabit.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksamaan kerana menyembunyikan kelahiran dan menyebabkan kematian.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian itu diminta supaya menghubungi Ibu Pejabat Daerah Kota Kinabalu atau balai polis berhampiran untuk membantu siasatan," katanya.



MAYAT bayi dipercayai baharu dilahirkan ditemui dekat perkampungan atas air di Kampung Tanjung Aru Lama, Kota Kinabalu.



TAJUK : SASAR 50,000 TERIMA VAKSIN PNEUMOKOKAL PERCUMA

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 JUN 2023

M/SURAT : 22

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Sasar 50,000 terima vaksin pneumokokal percuma

Kota Bharu: Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) menyasarkan lebih 50,000 kanak-kanak di negeri ini yang lahir pada 2018 dan 2019 menerima suntikan vaksin pneumokokal secara percuma.

Pengarahnya, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, setakat ini pihaknya dalam proses untuk mengumpul maklumat dan mendaftar mereka yang layak menerima suntikan itu menerusi inisiatif imunisasi *catch-up* pneumokokal (CHUP).

Beliau berkata, setakat ini hanya jajahan Pasir Mas sahaja sudah memulakan suntikan vaksin berkenaan, membabitkan 28 kanak-kanak yang lahir pada 2018 dan 19 kanak-kanak lagi lahir pada 2019.

"Kita masih melakukan pengumpulan maklumat bagi jajahan lain juga dari segi pemberian tarikh janji temu sama ada menerusi



panggilan telefon atau boleh hadir terus ke klinik kesihatan kerajaan.


"Selain itu, pemberian janji temu juga dapat diberikan sewaktu anggota kesihatan menjalankan aktiviti lawatan ke rumah, malah ibu bapa juga boleh mendapatkan slot janji temu menerusi aplikasi MySejahtera," katanya selepas majlis perasmian Program Kelantan Sihat 2023 Peringkat Negeri Kelantan di sini, semalam.



Kita masih melakukan pengumpulan maklumat bagi jajahan lain juga dari segi pemberian tarikh janji temu sama ada menerusi panggilan telefon atau boleh hadir terus ke klinik kesihatan kerajaan"

Dr Zaini Hussin

Bulan lalu, Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa berkata, mulai bulan ini hingga 31 Mei tahun depan, kanak-kanak berusia empat dan lima tahun boleh mendapatkan imunisasi pneumokokal secara percuma di semua fasiliti kesihatan primer Kementerian Kesihatan (KKM).
- Bernama



TAJUK : SUKAR TERIMA TAKDIR ANAK TUNGGAL SUDAH TIADA

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 JUN 2023

M/SURAT : 21

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Pasir Gudang: Pahit untuk ditelan namun pasangan suami isteri, Aizat Istamuel Amir Hamzah dan Farida Kurnianingsih Soewardjono harus menerima takdir bahawa anak tunggal mereka, Gibran Alfariqzi sudah tiada selepas maut dalam kemalangan jalan raya.

Dalam kejadian pada 19 Februari lalu, kereta yang dinaiki tiga beranak itu dirempuh dua kenderaan daripada laluan bertentangan yang cuba mengelak dari

Sukar terima takdir anak tunggal sudah tiada

pada terbabas.

Akibatnya, Gibran Alfariqzi, 3, maut di tempat kejadian manakala Farida Kurnianingsih, 36, terlantar sehingga kini akibat patah rusuk kiri dan kanan, retak tulang belakang selain kecederaan pada pergelangan tangan kanan, jari manis kiri, kedua-dua paha, lutut kanan, betis kiri, tumit kiri serta buah pinggang kanan.

Emosi Farida Kurnianingsih juga belum stabil sepenuhnya kerana masih terkenangkan insiden yang meragut nyawa anaknya dalam sekelip mata.

"Boleh dikatakan, tidur saya tak lena kerana kerap terbangun pada jam 3 atau 4 pagi sejak kejadian itu.

"Jujurnya saya masih berada dalam fasa tak boleh terima pemergian Gi-

bran (nama panggilan).

"Sampai satu tahap, saya persoalkan mengapa anak yang pergi dan bukan saya?" "Bukan mudah nak reda tetapi saya cuba akur dengan ketentuan yang Allah lebih menyayanginya," katanya ketika dihubungi.

Mengimbas detik akhir sebelum pemergian Gibran Alfariqzi, Farida Kurnianingsih berkata, anaknya teringin sangat bermain di pantai dan kerana itu dia juga suami membawanya ke situ.

"Malam sebelum hari kejadian, Gibran beritahu keinginannya (nak ke pantai) namun berubah hati dan enggan ke pantai keesokannya.

"Pagi hari kejadian, saya sudah berasa tak sedap hati tetapi teruskan perancangan bawa Gibran ke Pantai Desaru kerana rancang ke situ.

"Di pantai, Gibran nampak gembira namun siapa sangka itu kali terakhir saya dan suami dapat bermain dengannya sebelum dia pergi buat selamanya," katanya.

Berkongsi keadaannya, Farida Kurnianingsih berkata, dia masih mengalami kemurungan malah perlu berjumpa doktor setiap bulan selain mengikuti sesi kaunseling.

"Selepas kemalangan itu, saya ditahan di wad Hospital Sultan Ismail (HSI) Johor Bahru, Johor selama 31 hari dan pernah jalani pembedahan selama 10 jam.

"Cuma sehingga kini, saya masih terlantar dengan tangan dan kaki boleh bergerak tetapi tidak seperti dulu serta sangat terbatas.

"Mandi, makan dan minum pula semuanya atas katil. Pernah masuk pusat ja-

gan selama sebulan namun berasa semakin murung jadi minta balik ke rumah.

"Buat masa ini, emak saya yang bantu jaga ketika suami keluar bekerja cuma sampai hujung bulan ini saja," katanya.

Sementara itu, suaminya, Aizat Istamuel, 30, mengakui turut terkesan selepas pemergian Gibran Alfariqzi yang sebelum ini menjadi penyanyi di rumah.

Ada kalanya, Aizat Istamuel yang mencari rezeki di Singapura hilang fokus ketika bekerja namun enggan teralu melayan kesedihan itu kerana perlu kuat bagi menjaga dan memberi semangat kepada isterinya.

"Saya pun sedih malah masih teringat wajah, suara dan keletah Gibran sehingga hari ini.

"Jujurnya, saya belum dapat maafkan pelaku dan bagi membela nasib Gibran, saya ada buat laporan polis namun tiada maklumat perkembangan siasatan jadi tak pasti ia sudah selesai atau tidak.


"Selain itu, saya ada lantik peguam untuk ambil tindakan undang-undang dan menurut polis, mereka ada beri nombor telefon saya kepada pelaku namun tiada panggilan daripadanya sehingga kini.

"Bagi menenangkan isteri, saya cuba pujuk dan beritahunya anak kami sudah ada di syurga walaupun kata-kata itu belum cukup untuk menghapuskan kesedihannya," katanya.



GIBRAN Alfariqzi maut dalam kemalangan pada 19 Februari lalu.

FARIDA Kurnianingsih kini terlantar sejak terbabit dalam kemalangan dan masih terkenangkan anaknya, Gibran Alfariqzi. - Gambar ihsan Aizat Istamuel Amir Hamzah



TAJUK : TAKKAN TINGGAL SAMPAI BILA-BILA

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 JUN 2023

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Takkan tinggal sampai bila-bila

Parit Buntar: "Saya nak bersama dan jaga suami hingga ke akhir hayat. Saya terima keadaannya kerana dia jadi begitu pun ketika cari rezeki buat kami sekeluarga," kata Norita Mohd Aziz.

Norita, 38, adalah ibu kepada tiga anak yang mengambil alih tanggungjawab sebagai ketua keluarga sejak suaminya, Abu Hasan Abdullah, 41, kudung kedua-dua belah kaki akibat terbabit dalam kemalangan jalan raya pada 2018.

Demi kelangsungan hidup, Norita yang menetap di Taman Perumahan Awam Sungai Dungun, Kuala Kurau, di sini, sanggup bekerja sebagai buruh ladang dan melakukan kerja berat termasuk memandu traktor.

Berkongsi kisahnya, Norita mengakui hilang arah selepas suaminya ditimpa ujian kerana anak masih kecil dengan yang bongsu baru berusia setahun ketika itu.

"Kemalangan berlaku pada 11 Jun iaitu empat hari sebelum Aidilfitri di mana lori dipandu suami terbabas dan merempuh pokok selepas mengelak sebuah motosikal.

"Kaki kirinya hancur dan setahun kemudian kaki kanan pula dipotong bagi mengelak jangkitan kuman dan dia hanya ada satu punggung saja.

"Dua bulan juga suami

ditahan di wad hospital dan waktu itu, dia (suami) hilang ingatan malah ingat anak saja. Hanya Allah tahu perasaan saya ketika itu namun keluarga dan rakan banyak membantu memberi sokongan hingga saya dapat bangkit semula," ketika dihubungi Harian Metro.

Norita berkata, dia juga bersyukur kerana ketiga-tiga anaknya faham kepayahan dilalui dan tidak pernah merungut jauh sekali meminta sesuatu di luar kemampuannya.

Berkongsi rutin harianya, Norita berkata, dia keluar bekerja di ladang seawal 6.30 pagi dan pulang jam 2 petang kemudian sambung kerja lebih masa jam 3 hingga 6 petang untuk dapat pendapatan lebih.

"Alhamdulillah, saya sempat masak dan uruskan keperluan suami juga anak sebelum serta selepas pulang dari kerja.


"Anak-anak pun sudah pandai berdikari jadi mudah sikit urusan saya.

"Bab mengurus suami, tiada masalah walaupun perlu mengangkutnya kerana sudah biasa dan tak berasa berat," katanya.

Berhubung perkongsian di TikTok, Norita berkata, dia tiada niat meraih simpati namun sekadar mahu mengumpul pengikut di platform berkenaan.



NORITA berjanji untuk setia bersama suaminya, Abu Hasan sehingga akhir hayat.



TAJUK : TIADA PELUANG DUDUKI SPM

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 JUN 2023

M/SURAT : 21

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Redzuan
Muharam
redzuan.muham-
ram@hmetro.com.my

Tiada peluang duduki SPM

Kuantan

Remaja yatim piatu berhenti belajar awal kini hanya jadi tukang cuci sekolah

Ketika remaja seusianya menerima keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada Khamis lalu, Nurul Izwa Hasnida Mohd Yusof pula hanya dapat melihat kejayaan dari jauh.

Ia kerana gadis itu tidak berpeluang menduduki peperiksaan SPM kerana berhenti sekolah lebih awal iaitu ketika di tingkatan dua kerana ada masalah tidak dapat dikongsi.

Nurul Izwa Hasnida yang juga anak yatim piatu kemudian menyambung pelajaran di sebuah madrasah namun berhenti selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan berhasrat untuk masuk ke asrama semula.

Bagaimanapun, keluarga



Buat masa ini, saya mahu kerja dulu dan ikutkan baru sebulan jadi tukang cuci, itu pun gantian saja. Sebelum itu, saya berniaga di depan rumah saja"

Nurul Izwa Hasnida

tidak mengizinkan kerana enggan masalah sama berulang.

Kisah Nurul Izwa tular di TikTok selepas berkongsi perihal dirinya yang tidak menduduki SPM dan kini mencari rezeki sebagai tukang cuci di sekolah.

Bercerita lanjut, Nurul Izwa berkata, niatnya berkongsi video sekadar untuk meluahkan perasaannya.

"Hari berkenaan saya nampak ramai kongsi video mereka mengambil keputusan SPM.

"Saya gembira lihat kejayaan mereka walaupun tak dapatalui pengalaman sama kerana berhenti sekolah lebih awal.

"Tiada niat pun nak raih simpati kerana sudah ditakdirkan perjalanan saya begini," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Menurutnya, dia bersyukur kerana perkongsiannya itu mendapat reaksi positif daripada netizen.

"Tiada yang kecam sebaliknya ramai doakan saya.

"Terima kasih saya ucapkan dan semoga doa yang baik berbalik kepada mereka," katanya.

Nurul Izwa berkata, dia belum ada perancangan untuk mendaftar sebagai calon SPM persendirian pada masa akan datang.

"Buat masa ini, saya mahu kerja dulu dan ikutkan baru sebulan jadi tukang cuci, itu pun gantian saja. Sebelum itu, saya berniaga di depan rumah saja.

"Kini waktu kerja saya adalah daripada jam 7 pagi sampai 4 petang dengan upah RM45 sehari.

"Saya syukur ada kerja kerana dapat juga tampung keperluan diri tanpa bebanan adik-beradik lain," katanya.



NURUL Izwa Hasnida tidak menduduki SPM dan kini menjadi tukang cuci di sebuah sekolah.



TAJUK : UMI PERGI LEPAS TERIMA 'HADIAH'

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 JUN 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM



ORANG ramai hadir ke rumah didiami keluarga Muhammad Syahril, semalam selepas kematian ibunya di Kampung Kandis. - Gambar NSTP/NOR AMALINA ALIAS



IBU kepada Muhammad Syahril (kanan) meninggal dunia akibat penyakit angin ahmar, kelmarin.

Muhammad Syahril reda dengan pemergian ibu

Oleh Nor Amalina Alias am@hmetro.com.my

Bachok: "Saya reda," kata Muhammad Syahril Saidi, pelajar yang mencatatkan 11A dalam keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang diumumkan pada Khamis lalu selepas kehilangan ibunya malam kelmarin.

Dia enggan ditemu bual kerana masih terkejut dengan pemergian ibunya yang dipanggil umi itu.

Syahril, 18, kini bergelar yatim piatu selepas ibunya, Tuan Faridah Tuan Ismail, 53, menghembuskan nafas terakhir kira-kira jam 8.20 malam.

Dia hanya berkata, reda dengan pemergian ibunya itu ketika menerima lawatan dan ucapan takziah daripada Ahli Parlimen Bachok Mohd Syahir Che Sulaiman.

Ahli keluarga pelajar itu, Zainab Othman, 58, berkata, cucu saudaranya pernah meluahkan perasaan mengenai tumpuan media dan

orang ramai terhadap dia dan ibunya.

"Mereka dah derita lama, saya beritahu cucu (Syahril) mungkin ini cara Allah angkat darjat awak dan arwah ibu," katanya di rumah sewa pelajar itu di Kampung Kandis di sini, semalam.

Jenazah ibu pelajar itu disolatkan di Masjid Pondok Moden, Kandis sebelum dikuburkan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Padang Lati, semalam.

Ibu Syahril berkenaan tertantar selepas diserang angin ahmar pada 2019 sebelum semakin lemah empat hari sebelum keputusan SPM diumumkan. Keadaan itu menyebabkan Syahril tidak sampai hati untuk meninggalkan ibunya bagi mengambil keputusan SPM.

Pelajar Sekolah Menengah Agama (A) Darul Iman bagaimanapun diraikan warga sekolah yang hadir ke rumahnya untuk menghantar keputusan SPM itu sehingga videonya tular di media sosial.

Kerajaan negeri sedia tanggung kos pengajian

Bachok: Kerajaan negeri akan menanggung kos pengajian pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Muhammad Syahril Saidi jika dia berhasrat menyambung pengajiannya.

Ahli Parlimen Bachok Mohd Syahir Che Sulaiman berkata, selain Muhammad Syahril, 18, pihaknya juga akan membantu kakak pelajar itu yang difahamkan turut menanggung pelajaran kerana menjaga ibunya yang sakit.

Menurutnya, maklumat lengkap berkenaan remaja itu dan kakaknya akan diambil bagi memberi bantuan susulan.

"Kita sedia maklum perihal pelajar itu daripada Penghulu Mukim dan difahamkan kakaknya juga dapat tawaran belajar sebelum ini namun menolak kerana menjaga ibu mereka.

"Jadi kita akan beri bantuan yang berkaitan, terutamanya soal pendidikan," katanya ketika ditemui selepas melawat pelajar berkenaan yang kematian ibunya di Kampung Kandis di sini, semalam.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (Dun) Pantai Irama

Mohd Huzaimy Che Husin. Beliau turut memberitahu, setakat ini pelajar berkenaan akan meneruskan pengajian di Maahad Yaakubiah Kampung Nipah, Bachok untuk mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (Stam).

Katanya, pelajar itu berhasrat menyambung pelajaran di Universiti Malaya juga dalam bidang agama.

"Jika dia nak sambung, kita akan bantu mana yang boleh, kita pastikan pendidikan mereka diteruskan walaupun sudah kehilangan ibu bapa," katanya.

Syahril berkata, selain soal pendidikan, dia juga difahamkan pelajar itu dan keluarganya juga golongan susah.

Sebelum ini, keluarga pelajar itu menyewa rumah kayu di Kampung Kandis sebelum baru berpindah ke rumah sewa yang lebih selesa di taman perumahan di kampung sama hasil perkongsian duit abang dan kakak yang bekerja demi keesehan ibu mereka.

"Kita akan lihat juga ruang untuk kita bantu mereka dapatkan rumah melalui bantuan yang ada," katanya.

Bachok

IBU PELAJAR 11A SPM MENINGGAL

Keajaian manis pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2022 yang memperoleh keputusan 11A, Muhammad Syahril Saidi, 18, bertukar duka apabila ibunya meninggal dunia akibat angin ahmar kelmarin.

Nenek saudara Muhammad Syahril, Zainab Othman, 58, berkata, pengorbanan Allahyarhamah Tuan Faridah Tuan Ismail, 53, perlu dijadikan contoh terbaik kerana sanggup berkorban membesarkan enam anaknya seorang diri selepas pemergiaan suaminya pada 2012.

"Muhammad Syahril kehilangan bapanya ketika dia berusia tujuh tahun, jadi segala tugas itu digalas oleh ibunya untuk membesarkan anak-anaknya sehingga dia (Muhammad Syahril) berjaya mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM.

Umi pergi lepas terima 'hadiah'



LAPORAN Metro Ahad, semalam.

"Saya dan keluarga begitu kagum dengan pencapaiannya dan diharapkan hasrat Muhammad Syahril untuk melanjutkan pelajaran di

Universiti Malaya akan tercapai," katanya ketika ditemui di Kampung Kandis di sini, semalam. Mengulas lanjut, Zainab




Diharapkan hasrat Muhammad Syahril untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya akan tercapai"

Zainab

berkata, walaupun mereka hidup dalam sederhana namun ia tidak menghalang kesemua anak-anaknya untuk kecek dan tabah berbakti kepada arwah ibunya sehingga akhir hayat.

Kakak Muhammad Syahril pernah tolak tawaran belajar



TAJUK : 'HELP PEOPLE PROTECT THEIR KIDS'

HARI : ISNIN

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 12 JUN 2023

M/SURAT : 01&05

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

'HELP PEOPLE PROTECT THEIR KIDS'

PARENTS are wringing hands in despair over their inability to keep their children from the spreading tentacles of cigarettes and nicotine-laced vape products, say experts. A public health bill that will be tabled today represents the best chance of protecting the young from a future of disease and dread.

» REPORTS BY LUOMAN HAKIM ON PAGE 5

VAPES AND CIGARETTES

NO CLEAR POLICY ON REGULATING NICOTINE

Parents' fears and concerns can no longer be hidden, says professor

LUOMAN HAKIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE lack of a clear policy regulating nicotine products has made it difficult for parents to protect their children from vapes and cigarettes, experts say. International Islamic University Malaysia Pharmacy Practice Department lecturer Professor Dr Mohamad Haniki Nik Mohamed said it's high time the Control of Smoking Product for Public Health Bill was passed following a life-threatening case involving a child being exposed to nicotine.

He said the case would hopefully open the eyes of the public, some of whom were not persuaded by the bad effects of smoking products.

On May 30, a 2-year-old girl in Bera, Pahang, faced a life-threatening situation following a suspected nicotine poisoning incident.

The Health Ministry said the girl's grandfather had found her near a disposable electronic cigarette (vape) device, and she was experiencing symptoms of

coughing, vomiting and breathing difficulty.

Haniki added that delays in passing the bill worried people, particularly parents, who had been following its progress since day one.

"People's fears and concerns can no longer be hidden when there are more cases involving the use of electronic cigarettes or vapes shared on mainstream and social media. "Parents have done their best to ensure that their children do not smoke vape or cigarettes.

"However, this matter is not within parents' control per se when there is no clear policy that protects their children from advertising and promotion of these poisons."

He said children had a strong curiosity, especially when their environment was filled with adults who smoked cigarette and vape.

Children, Haniki said, may find it difficult to differentiate between a harmless toy and a dangerous vaping device.

"This does not help that due to easy availability and without checking their identification, adolescents can buy these products without their parents' knowledge.

"The girl in the case was 2. She would not have been able to distinguish between toys and dan-

gerous substances.

"It's possible that she was imitating the adults around her who vape. At that age, they will try anything considered attractive.

"We are aware of the design of this smoking product, which is produced in various shapes, colours and flavours, and are attractive to users.

"They vary in size from the palm of your hand to as small as a USB stick, and some are even designed to look cute. Who is the industry targeting?"

He said based on the National Health and Morbidity Survey 2022, the use of electronic cigarettes or vapes among teenagers jumped from 9.8 per cent in 2017 to 14.9 per cent last year.

"There are studies that state that nicotine exposure to teenagers is dangerous because the teenage phase is a critical phase of brain development and it is risky to try illegal substances that will lead to drug abuse.

"The nicotine in the products is absorbed into the bloodstream and flows to the brain to stimulate the production of a chemical called dopamine. This causes a feeling of excitement.

"What makes the use of nicotine dangerous is when it results in chronic brain disorders with prolonged use, and produces physiological dependence and a



A smoker being fined by a Health Ministry official for smoking in a public place. PIC COURTESY OF THE HEALTH MINISTRY

strong urge to use tobacco." This, in addition to cases where a patient's lung had to be 'punctured' due to prolonged vaping, is worrying, considering that the treatment can also be costly.

"The cost for Vaping Product Use-Associated Lung Injury treatment can reach RM150,000 for 12 days of treatment with admission to the ward.

"Lungs that have been damaged cannot return to their original form."

Malaysian Council for Tobacco Control chairman Dr Muralitharan Munisamy said nicotine addiction took only three days to kick in.

This can be seen as the smoking and vaping habit among adolescents and youth was becoming apparent, especially due to the group being influenced by their surroundings, he added.

"Two reasons that make this a critical issue are that vapes containing nicotine are sold to everyone, including children.

"Secondly, children and adolescents are allowed to be exposed to vaping, which plagues them to try it, ultimately ending up as nicotine addicts.

"Of course, smokers themselves are at a high risk of getting health complications.

"However, second-hand smoke can affect surrounding people, including children and babies," he told the *New Straits Times*.

Dr Muralitharan said the misconception of vape being

safer than cigarette was just an industry narrative.

"The industry has been peddling a portrayal of safer cigarettes since the 1950s. "Vape is the newest incarnation of this narrative.

"At the heart of it, the tobacco industry is focused on the delivery of nicotine.

"Whether in the form of conventional cigarette or vape, these are just nicotine delivery devices."

'Improved' smoking product bill to be tabled today

KUALA LUMPUR: The Control of Smoking Product for Public Health Bill 2023, which includes the generational end game smoking ban, will be tabled in Parliament today.

Under the bill, those who are born from 2007 onwards will not be allowed to sell, buy and use smoking products.

The first version of the bill, then named The Control of Tobacco Product and Smoking Bill 2022, was tabled in Parliament in July.

Health Minister Dr Zaliha Mustafa said the "improved" bill

was drafted following engagement sessions with stakeholders, including tobacco industry players.

She described the new bill as being more comprehensive and covered not just conventional smoking products but also next generation smoking products, including electronic and combustible cigarette products. The ministry said society faced a critical situation with the increase in vape users and cigarette smokers.

It said many people were manipulated by the promises of the

vape industry, claiming that its products were less dangerous compared with cigarettes.

This resulted in smokers using substitutes as an excuse to change to vaping from cigarettes. "The phrase 'less dangerous' does not mean that it is completely safe from adverse health effects.

"It is still capable of damaging users' body without them realising it.

"It is more worrying when smoking electronic cigarettes or vaping is seen as cool and becomes popular.

"Society needs to realise that 'trending' does not mean that it must always be followed."

The culture of smoking electronic cigarettes or vaping has alarmed the health sector following the emergence of a new disease: E-Cigarette and Vaping Associated Lung Injuries (Evali).

The ministry said it had received 18 Evali cases and 20 other cases related to vaping since last year.

The suffering of Evali patients is incomparable to the price they pay for smoking products. "With the original goal of quit-

ting smoking, they end up in a hospital bed instead."

This issue had always been a concern faced by parents as they worry about their children's fate, especially school students, the ministry said.

Despite being protected by rules, that lifeline too will be gone as soon as they reach adulthood.

"Smoking products are easy to find online and in grocery stores and vending machines.

"Youth can easily obtain the devices without having to go to the store and be checked for age."



TAJUK : 2 WOMEN AMONG 4 HELD FOR SUBANG JAYA ROBBERY

HARI : ISNIN

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 12 JUN 2023

M/SURAT : 09

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Assistant Commissioner Wan
Azlan Wan Mamat

RM60,000

2 women among 4 held for Subang Jaya robbery

KUALA LUMPUR: Four people, including two women, were arrested on Saturday on suspicion of robbing a family in Subang Jaya of valuables worth RM60,000.

The suspects, aged between 27 and 32, were caught in Senawang, Negri Sembilan, and Putra Perdana, Puchong, near here.

Subang Jaya police chief Assistant Commissioner Wan Azlan Wan Mamat said in the 7pm incident last Sunday, the victim reported that two men armed with knives had entered his house.

"The suspects robbed the victim and his family at knifepoint."

From the raid, police recovered documents, jewellery, mobile phones, house keys and one of the suspects' car.

"During questioning, they admitted to being involved in the case and all of them were remanded for five days starting today (yesterday)," said Wan Azlan.

"It is believed that they are also involved in several cases in Subang Jaya and also other areas."

He urged those with information to contact the police at 03-78627100 (Subang Jaya district control centre) or investigating officer Inspector G. Dinesh at 011-33094457. **Bernama**



TAJUK : DEAD NEWBORN FOUND FLOATING AT WATER VILLAGE

HARI : ISNIN

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 12 JUN 2023

M/SURAT : 09

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

SUSPECTED BABY-DUMPING

Dead newborn found floating at water village

KOTA KINABALU: The body of a baby, believed to be a newborn, was found floating in a water village, here, on Saturday.


Acting Kota Kinabalu district police chief Superintendent Kalsom Idris said the baby, whose

gender has yet to be identified, was discovered by villagers crossing the wooden bridge in the village at 6.30pm, who then contacted the police.

“Investigations found that the baby was believed to have just

been born. The baby is also suspected to have been thrown into the sea right after birth.”

Kalsom urged anyone with information to contact the Kota Kinabalu police headquarters or a police station. **Bernama**



TAJUK :	BINTULU WOMAN LOSES RM1.18 MILLION TO PHONE SCAM		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	12 JUN 2023	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Bintulu woman loses RM1.18 million to phone scam

Jeremy Veno

KUCHING: A 55-year-old woman from Bintulu has become Sarawak's latest scam victim after she lost RM1.18 million to a phone scam.

Sarawak Police Commissioner Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri in a statement yesterday said the victim, who works for an IT company, received a phone call from a man on May 22.

"During the phone call, the suspect claimed himself to be from Putrajaya and said that the victim had registered her phone number in Kota Kinabalu, Sabah. She was also told that the phone number was used to defame the Ministry of Health.

"The phone call was then redirected to two other suspects who claimed themselves to be 'Sgt Wong' and 'Insp Khoo' from the Kota Kinabalu police.

"In that call, the victim was told that she was involved in money laundering and that Bank Negara wants to check her bank account," he said.

Mohd Azman said the woman was then instructed to open a



Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri

bank account and transfer all her money into the new account for 'investigation'.

"On May 23 and June 9, she opened three bank accounts in Bintulu and transferred RM881,000 and RM300,000 from her Employees Provident Fund and savings account into the three accounts.

"She was directed to give all her banking details, including passwords, to the suspects, who also told her to destroy the three ATM cards that came with the new bank accounts," he said.

He added the woman only realised that had been scammed after she told her husband of the phone calls that she had received.

The victim also contacted the bank which confirmed that the money in the three accounts amounting to RM1.18 million had been transferred to another account holder.

Mohd Azman advised the public not to entertain unknown phone calls and to immediately notify their partners, friends or family members of the phone calls received, and to check with the police station, banks or related agencies for confirmation.

"The public is also advised not to provide their banking information to any unknown individuals or parties, and to refrain from registering the suspects' given phone numbers in their online banking.

"Do not be afraid or panic about any allegations made against you by the suspects," he said.

Scam victims can contact the National Scam Response Centre on 997.

Members of the public are advised to download the Whoscall app which identifies numbers used by scammers based on the police's Semak Mule database.



TAJUK :	BODY OF INFANT FOUND FLOATING AT KOTA KINABALU WATER VILLAGE		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	12 JUN 2023	M/SURAT :	07
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Body of infant found floating at Kota Kinabalu water village

KOTA KINABALU: The body of a baby, believed to be a newborn, was found floating at a water village here Saturday.


Acting Kota Kinabalu police chief Supt Kalsom Idris said the body of the baby, whose gender has yet to be identified, was

discovered by villagers who were crossing the wooden bridge in the village at 6.30pm.

"The baby is believed to have just been born, but there is no further information about the incident. The baby is also suspected to have been thrown

into the sea after birth," she said in a statement yesterday.

Kalsom also urged anyone with information about the incident to contact the Kota Kinabalu District Police Headquarters or the nearest police station to assist in the investigation. — Bernama



TAJUK : KKDW PROGRAMME INVOLCES OVER 1,900 WOMEN ENTREPRENEURS

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 12 JUN 2023

M/SURAT : 02

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Rubiah (second right) stops by at one of the booths set up in conjunction with the launch of Wins, at Summer Shopping Mall in Kota Samarahan.

KKDW programme involves over 1,900 women entrepreneurs

Hamkar Sarbinee

KOTA SAMARAHAN: A total of 1,908 aspiring women entrepreneurs from across Sarawak took part in a skills programme run by the Rural and Regional Development Ministry (KKDW) here yesterday.

Deputy Minister Datuk Rubiah Wang said the participants comprised rural women listed under the Community Development Department (Kemas).

She added that since 2017, her ministry had run many socio-economic programmes under Kemas meant to help women entrepreneurs to increase their income.

"So far, we have trained 1,908 entrepreneurs throughout Sarawak through the 'Quick Win' programme, which trains rural women with skills to become entrepreneurs," she said at a press conference held after the official launch of the Wacana-Wanita Inspirasiku Programme (Wins) at Summer Shopping Mall here.

According to the Kota Samarahan MP, the programme not only provided the participants with skills and training as at the same time, equipment would also be given to the entrepreneurs via KKDW.


"This serves as an initial effort for them to start the activities and the business that they have planned. We are focusing on

five sectors: sewing, grooming, handicrafts, computers and cooking.

"All the entrepreneurs will be monitored by Kemas. It can be said that as many as 90 per cent of these entrepreneurs should be able to carry out their business later on."

Rubiah said the ministry had also organised other programmes, all aimed at improving the capabilities of rural entrepreneurs.

"One of them (programmes) is a knowledge discourse programme that provides more information, exposure and experience to participants as this programme is interspersed with exhibitions, cooking demos, and talk sessions with icons," she said.



TAJUK :	MORE THAN 50,000 CHILDREN BORN IN 2018, 2019 DI KELANTAN TO GET FREE VACCINATION UNDER CHUP		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	12 JUN 2023	M/SURAT :	12
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

More than 50,000 children born in 2018, 2019 in Kelantan to get free vaccination under CHUP

KOTA BHARU: The Kelantan Health Department (JKNK) is targeting more than 50,000 children who are born in 2018 and 2019 in the state to receive the free pneumococcal vaccination.

Its director Datuk Dr Zaini Hussin said the department was now collecting information and registering those eligible for the vaccination which will be given under the Pneumococcal Catch-up Immunisation (CHUP) programme.

He said the programme had been carried out in the Pasir Mas district where a total of 28 children born in 2018 and 19 children born in 2019 were given the vaccination.


"Parents can also request appointments through the MySejahtera application for the pneumococcal vaccination for their children born in 2018 and 2019," he told reporters at the opening of the 'Kelantan

Sihat' programme here yesterday.

Dr Zaini said the CHUP initiative was introduced to reduce the risk of invasive pneumococcal infection among children, especially those born in 2018 and 2019.

"We hope parents who have children born in 2018 and 2019 to come forward and get the injection for free as there is a trend of children aged 4 to 5 years being at risk of getting the invasive pneumococcal disease," he said, adding that the invasive infection can result in permanent disability especially if it involves infection to the brain.

Prior to this, Health Minister Dr Zaliha Mustafa said that children aged four and five can get pneumococcal immunisation for free at all primary health facilities of the ministry until May 31 next year. — Bernama



TAJUK : RAISE IDEAS, SUGGESTION TO EMPOWER PWD GROUP VIA PROPER CHANNEL, SAYS NANCY

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 12 JUN 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Raise ideas, suggestions to empower PwD group via proper channel, says Nancy

KUCHING: Any ideas or suggestions to empower the rights of Persons With Disabilities (PwD) group should be brought up to the Women, Family and Community Development Ministry first, said minister Datuk Seri Nancy Shukri.

She said while she welcomes any ideas and suggestions to empower the group, they should be raised via proper channels so that immediate actions can be taken.

"There were many suggestions that had been presented to me during the meeting including replacing 'disability' with a new term.

"This is only a suggestion, we do not stop them from voicing the matter. For me, if the recommendation is good, we will consider it and bring the matter to a higher level.

"In fact, I also suggest that any matter related to PwDs should be raised in a big group or advocacy group so that we can take further action," she said when asked about her meeting with Senator Isaiah D. Jacob, who represents the disabled about the grouses of disabled persons.

According to Nancy, among the issues that were raised was the



Datuk Seri
Nancy Shukri

lack of PwD-friendly facilities in the country.

She said she agreed that facilities for the disabled were limited and needed to be improved, but this matter would need integrated discussion as it also involves other ministries.

"The issue of buildings that are not friendly for disabled people does not only happen at one place but all over Malaysia. We need more facilities to be built for this group that we need to improve. The senator suggested having his task force team to inspect buildings that are lacking in PwD friendly.

"He also mentioned the term used for 'disabled' persons. He said he did not agree with the term because according to him they can be like others, they have the ability it is just that they have some forms of disability,

for example their vision, hearing and others.


"So what he suggested was to categorise the form of the disability of the person. But this was only his suggestion because if we were to accept the suggestion, the matter needs to be raised and brought to a higher level, especially at the cabinet level, because it involves the law," she said.

Meanwhile, Nancy said she will represent Malaysia for the Convention on the Rights of Persons with Disabilities organised by the United Nations in New York on June 13 to 15.

She said the convention will be the catalyst for her and the ministry to look into other countries on how they manage and create policies that can be effective in helping persons with disabilities.

"We will see whether other countries have better policies that are in line with what we can accept and change.

"At the same time, we also share our policies in terms of how we categorise those disabled, because we cannot simply adopt other countries' policies. We need to take into account our own understanding about disability," she added.



TAJUK : SATOK EDUCATION BUREAU SPONSORS CHILDREN'S INSURANCE SCHEME

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 12 JUN 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Satok Education Bureau sponsors children's insurance scheme

KUCHING: The Satok Constituency Education Bureau has come up with student's personal accident insurance to benefit primary school pupils and pre-schoolers in the state constituency.

Satok assemblyman Dato Ibrahim Baki said the decision to come up with the insurance scheme was due to the concern and their social responsibility towards the children, particularly those in the primary and pre-school levels.

